

# Masyarakat perlu didik anak kuasai ICT

S.H 29/11/08 M/s 9

■ NORSHAHZURA MATZUKI

**SHAH ALAM** - Dalam mengharungi era dunia tanpa sempadan, masyarakat perlu membekalkan diri mereka dengan segala bentuk pengetahuan berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) agar mereka tidak terus ketinggalan.

Masyarakat juga digesa untuk menggalakkan anak-anak mereka mempelajari ICT bagi meneroka 'limpahan' maklumat di dalamnya dan menggunakan kemudahan tersebut untuk diaplikasikan dalam menyelesaikan urusan harian.

Ketua UMNO Bahagian Shah Alam, Datuk Ahmad Nawawi Mohd Zin berkata, peranan ibu bapa amat besar untuk memberikan pendedahan kepada anak-anak terhadap dunia laman maya, selaras dengan kemajuan teknologi maklumat (IT) yang dialami dunia kini.

"Ibu bapa perlu lebih kreatif memberikan pendedahan kepada anak-anak dengan IT kerana ia memberikan pelbagai manfaat dalam kehidupan kita terutamanya, dalam menyelesaikan urusan pembayaran bil, transaksi perbankan.

"Bagi pelajar pula mereka menggunakan kemudahan internet untuk dijadikan rujukan dalam pelajaran mereka seperti matematik, sains dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan

Program Celik IT yang telah dianjurkan Pergerakan Puteri UMNO Bahagian Shah Alam, sempena cuti sekolah, malam kelmarin.

Kata beliau lagi, ibu bapa perlu mendidik anak-anak untuk menguasai IT dan perlu diterokai mereka kerana segala perkhidmatan yang disediakan kini kebanyakannya menggunakan kemudahan internet.

"Dalam masa sama, ibu bapa perlu memantau penggunaan ICT oleh anak-anak mereka supaya mereka tidak menyalahgunakannya untuk melakukan perkara yang tidak berfaedah.

"Ibu bapa perlu memberikan galakan dan didikan kepada mereka untuk menguasai ICT dengan sebaiknya dan menjadikan ia sebagai salah satu kerjaya kelak serta membantu masyarakat setempat untuk bersama-sama menerokai ICT yang dapat memberikan pelbagai manfaat kepada kita," katanya.

Ahmad Nawawi juga turut memaklumkan bahawa, inisiatif yang dilakukan oleh Pergerakan Puteri UMNO Shah Alam itu merupakan tanggungjawab sosial UMNO terhadap masyarakat setempat terutamanya golongan muda untuk menguasai dunia siber.

Seramai 105 peserta telah menyertai program tersebut yang diadakan sempena cuti sekolah di Bangunan UMNO Shah Alam bermula 28 November sehingga 19 Disember depan.



Ahmad Nawawi (berdiri dua dari kiri) melihat Nursyaza Irdina menggunakan komputer sambil diperhatikan oleh Shuratini (kiri) dan Radziah sempena merasmikan Program Celik IT, malam kelmarin.